



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform sebelum jam 8 pagi, 21 Julai 2026.

Untuk Terbitan Media
21 Julai 2026

SIARAN MEDIA

WARIS 'KORBAN' INSIDEN POKOK TUMBANG TERIMA FAEDAH PERKESO SEPANJANG HAYAT

KUALA LUMPUR: Waris mangsa yang maut dalam insiden pokok tumbang, berdekatan Jalan Tun Razak, Sabtu lalu layak menerima faedah daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

PERKESO berkata, semakan mendapati mangsa memperbaharui caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (LINDUNG Kendiri) pada Februari lalu.

Katanya, kecaknaan Allahyarham mengenai kelangsungan hidup insan tersayang, seandainya ditimpa bencana ketika mencari rezeki sebagai pemandu kereta sewa akhirnya menyaksikan isteri tercinta bakal menerima faedah berupa pencen bulanan untuk sepanjang hayat.

“Sejurus selesai menghantar penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), difahamkan bahawa Allahyarham Mohd Amir Shazwan Saion dalam perjalanan memulangkan kenderaan sewa syarikat di Datuk Keramat dan ingin pulang berhujung minggu dengan isteri di rumah, dekat Cheras.

“Bagaimanapun, takdir menentukan sebaliknya. Semakan Skuad PERKESO Prihatin mendapati hasil Allahyarham belum dikurniakan cahaya mata hasil perkongsian hidup dengan isteri, Zam Zureena Mohd Rani.

“Justeru, bayaran Faedah Orang Tanggungan (FOT) iaitu pencen bulanan berjumlah RM837 untuk sepanjang hayat akan disalurkan kepada balu bagi memenuhi ‘wasiat terakhir’ Allahyarham,” kata PERKESO menerusi kenyataan, hari ini.

Selain FOT, Zam Zureena yang berkhidmat sebagai pegawai penyelidik menerima Faedah Pengurusan Mayat (FPM) atau khairat kematian sebanyak RM3,000 secara sekali bayar bagi memudahkan urusan pengebumian arwah suami di kampung halamannya di Batu Pahat, Johor.

Dalam perkembangan berkaitan, PERKESO berkata, insiden luar jangka seperti yang berlaku di ibu negara, susulan hujan lebat, pada hari minggu lalu adalah antara situasi cerminan terbaik mengenai kepentingan skim LINDUNG 24 Jam PERKESO.

Pengenalan skim ini membuktikan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam memastikan kebajikan dan keselamatan pekerja sentiasa terbela, bukan sahaja di tempat kerja atau ketika berulang-alik, malah sepanjang masa demi kesejahteraan hidup rakyat dan keluarga mereka.

Sejak berkuat kuasa pada 1 Jun lalu, PERKESO merekodkan purata 32 kes sehari bagi permohonan faedah berikutan kemalangan di luar waktu kerja, termasuk ketika hujung minggu dan cuti umum.

“Kemalangan boleh berlaku pada bila-bila masa, justeru Kerajaan MADANI ingin rakyat memahami bahawa LINDUNG 24 Jam ialah penentu kelangsungan hidup yang bakal memastikan punca pendapatan terutama oleh ketua keluarga tidak terputus di tengah jalan.

“Melalui bayaran gantian pendapatan berdasarkan cuti sakit yang diterima pencarum selagi mana mereka tidak mampu kembali bekerja, kos tanggungan seisi keluarga seperti barang keperluan harian dan yuran pengajian anak masih dapat dilunaskan tanpa perlu mengeluarkan simpanan peribadi.

“Inilah manfaat sebenar LINDUNG 24 Jam hasil caruman berkadar rendah, tetapi memperuntukkan faedah sangat besar maknanya buat pencarum dan insan tersayang,” katanya.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Sementara itu, bermula 1 Jun 2026, LINDUNG 24 Jam dikuatkuasakan yang memberi perlindungan jika berlaku kemalangan di luar waktu kerja di dalam negara bagi pekerja yang mencarum LINDUNG Pekerja. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

21 Julai 2026